

Mahathir kecewa projek landasan berkembar KTM

KLANG 17 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan tidak puas hatinya terhadap projek landasan berkembar KTM Berhad, bernilai RM1.5 bilion yang gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

Perdana Menteri berkata kelewatan itu menyebabkan perkhidmatan kereta api komuter elektrik (KTM Komuter) yang sepatutnya beroperasi awal tahun ini terpaksa ditangguhkan.

Beliau berkata kabinet yang bermesyuarat esok akan membincangkan cara bagaimana hendak mengatasi masalah itu untuk membantu KTM Berhad mempercepatkan segera operasi KTM Komuter itu.

Menurut Dr. Mahathir, dengan penangguhan itu, kos pembinaan yang dianggar pada 1992 bagi projek berkenaan sudah pasti meningkat manakala masalah

kesesakan lalu lintas di ibu negara sekarang dijangka bertambah buruk dan rakyat pula perlu menghadapinya untuk tempoh lebih panjang.

Perdana Menteri yang meninjau kerja pembinaan landasan itu di sepanjang laluan Kuala Lumpur - Klang hari ini juga tidak dapat memberikan tarikh sebenar landasan itu boleh disiapkan kerana tidak yakin ia boleh dilakukan secepat yang dijangkakan sebelum ini. [**Lagi laporan dan gambar di muka 3**].

"Projek ini (landasan berkembar) nampaknya berjalan terlalu lambat dan sehingga kini pun kita belum boleh tentukan bila kita dapat membuka landasan ini...-saya tidak yakin dengan batas

■ **Lihat muka 2**

Mahathir kecewa projek landasan berkembar KTM

waktu, kerana banyak kali ditangguhkan.

"Malah saya belum yakin bila dapat disiapkan, saya selalu tanya bila nak siap dan alasan yang diberikan sedikit masa, sedikit masa... sepatutnya hujung tahun 1994 sekurang-kurangnya dari Rawang ke Kuala Lumpur sudah siap, ini sub stesen pun tak siap dan banyak lagi perkara lain yang tidak siap," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas meninjau kemajuan pembinaan landasan itu serta mendengar taklimat daripada para pegawai KTM Berhad di Stesen Kereta Api Klang, di sini, hari ini.

Pembinaan landasan berkembar sejauh 150 kilometer itu yang menghubungkan Rawang dan Seremban melalui Kuala Lumpur serta laluan Sentul ke Pelabuhan Klang apabila siap sepenuhnya nanti akan mencatat sejarah, lebih-lebih lagi kepada pengangkutan awam di negara ini yang pertama kali menggunakan kereta api elektrik.

Pada peringkat permulaan projek ini, KTM Berhad merancang menggunakan 18 set kereta api elektrik bernilai RM180 juta yang memulakan perkhidmatan komuter bagi menampung 40 peratus daripada 120,000 penumpang sehari.

Menurut Perdana Menteri, beliau mendapati terlalu banyak masalah yang dihadapi dalam pembinaan landasan berkembar ini dan sukar untuk diatasi dengan segera.

Katanya, antara penyebab kelewatan pembinaan projek landasan berkembar itu ialah tiada koordinasi antara semua pihak terbabit dengan projek, terlalu banyak kerenah birokrasi sehingga sukar membuat keputusan dan sukar mengerjakan tanah akibat terlalu banyak setingan.

Selain itu, beliau berkata, pencapaian kerja yang ditunjukkan oleh para kontraktor juga begitu mengecewakan dari segi ketetapan mengikut jadual asal malah ada kontraktor tidak dapat menjalankan kerja kerana pihak perunding tidak hadir.

Serentak dengan itu juga, Perdana Menteri mengarahkan semua pihak yang terlibat dengan projek landasan itu dapat memberikan tumpuan kerja agar projek itu dapat disiapkan secepat mungkin.

Dr. Mahathir berkata, walaupun, keputusan untuk memperkenalkan perkhidmatan kereta api elektrik dibuat selepas pembinaan landasan kereta api berkembar bagi kegunaan kereta api berenjin diesel dimulakan, kerajaan dan KTMB tetap yakin keseluruhan projek dapat disiapkan tahun lepas.

Ditanya kemungkinan kajian semula dilakukan untuk memanggil semula tender bagi pembinaan landasan berkembar itu, Dr. Mahathir berkata, proses itu tidak sesuai kerana ia akan mengambil masa yang lebih lama lagi serta tidak dapat dipastikan kontraktor baru lebih cekap daripada yang ada.

"Apa yang penting sekarang ialah semua pihak terbabit mesti menumpukan perhatian supaya projek dapat disiapkan segera kerana kelewatan bukan sahaja bermakna kos pembinaan meningkat, malah akan kehilangan peluang untuk mendapatkan hasil pulangan juga bertambah," katanya.

Beliau berkata, setakat ini ada sesetengah bahagian yang telah siap dan ada yang setakat 40 peratus sahaja.

Ditanya adakah kelewatan kereta api elektrik ini beroperasi sebagai satu kegagalan kepada kerajaan, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak menganggap ini sebagai satu kegagalan tetapi mungkin satu proses pembelajaran. Saya sudah memberi arahan supaya dipercepatkan dan mereka juga sudah memberikan pengakuan."

Malah Dr. Mahathir berkata, pengalaman daripada projek itu tidak akan mengubah pendirian kerajaan terhadap projek-projek lain sama ada yang sedang berjalan ataupun dirancang.

"Contohnya, Lebuhraya Utara-Selatan dapat disiapkan jauh lebih awal daripada jadual yang ditetapkan manakala kontraktor yang diberikan tender membesarkan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pula sudah pun melaksanakan kerja-kerja menambun tanah dalam jangka masa yang pendek saja," katanya.

Turut hadir sama ketika Dr. Mahathir melawat Projek Landasan Berkembar itu ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Pengerusi Eksekutif KTMB, Tan Sri C. Selvarajah dan Pengarah Urusannya, Datuk Abdul Rahim Osman.